

BAB 3

BAB 3

PENGENALAN TENTANG AJARAN QADIANI

Pendahuluan

Pengikut ajaran Qadiani atau lebih dikenali sebagai pengikut Jemaat Ahmadiyah meyakini dan mempercayai bahawa ajaran yang diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad adalah benar. Adalah sukar untuk membuat sebarang rumusan terhadap ajaran tersebut tanpa mengetahui dengan lebih dekat kandungan ajarannya. Justeru itu, di dalam bab ini penulis akan menghuraikan isi kandungan ajaran ini dengan lebih tuntas.

Penulis akan memberi penekanan terhadap teras akidah dalam ajaran Qadiani serta beberapa konsep yang diperkenalkan oleh Mirza. Disamping itu juga, penulis akan turut membahaskan konsep jihad yang menjadi pegangan Qadiani. Ketiga-tiga perkara ini merupakan perkara pokok yang seringkali diketengahkan oleh Mirza kepada pengikut-pengikutnya.

Ketika mengemukakan hujah-hujah Qadiani terhadap sesuatu pegangan mereka, terutamanya yang bersumberkan al-Quran, penulis merujuk kepada al-Quran terjemahan susunan Qadiani. Begitu juga terjemahan hadis, penulis merujuk kepada buku-buku karangan mereka.

Ini bertujuan untuk memastikan penafsiran yang dibuat selaras dengan keyakinan pengikut-pengikut Qadiani.

A. Teras Akidah Dalam Ajaran Qadiani

Sebelum penulis menghuraikan sumber-sumber kepercayaan Qadiani dengan lebih terperinci, penulis merasakan perlu dinyatakan beberapa perkara yang berkaitan dengan akidah dan tujuan ajaran ini. Dalam hal ini penulis merujuk kepada buku *Suvenir Peringatan Seabad Gerhana Bulan dan Gerhana Matahari*. Tujuh perkara pokok yang menjadi akidah dan tujuan ajaran ini ialah:¹

1. Ahmadiyah bukan agama baru. Sebaliknya, Ahmadiyah adalah ajaran Islam sejati yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w lebih kurang 1500 tahun yang lalu. Apa yang dibawa oleh Jemaat Ahmadiyah sama dengan apa yang dibawa oleh Islam, yakni untuk mengadakan hubungan cinta antara Tuhan dengan hamba-hambanya serta mencipta perdamaian dikalangan manusia. Ahmadiyah berusaha menyatupadukan manusia akibat perbezaan bangsa dan warna kulit.

2. Bagi Jemaat Ahmadiyah, beriman bahawa Tuhan itu Maha Esa; tidak mempunyai sekutu baik dari sudut zat maupun sifat-

¹ Tanpa Pengarang, *Suvenir Peringatan Seabad Gerhana Bulan Dan Gerhana Matahari*, t.t., t.c., Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 46 - 47.

sifatNya. Tuhan bebas dari segala jenis kekurangan dan kelemahan. Dia memperkenankan doa hamba-hambaNya dan membantu mereka dalam memenuhi segala keperluan. Segala nikmatNya, samada berbentuk material mahupun rohani tidak terbatas kepada kaum tertentu. Bagi Jemaat Ahmadiyah adalah menjadi kewajipan mereka menyeru umat manusia menerima Tauhid Ilahi kerana penerimaan ini dapat mewujudkan perdamaian dari penyatuan di antara segenap umat manusia.

3. Bagi Jemaat Ahmadiyah, mereka percaya bahawa semua agama besar mempunyai landasan kebenaran dan masih mengandungi nilai keindahan. Oleh itu mereka menolak sikap sesetengah agama yang menyatakan hanya agamanya sahaja yang mengandungi kebenaran dan nilai keindahan. Walau bagaimanapun Jemaat Ahmadiyah percaya adalah menjadi tanggungjawab mereka menyebarkan, bahawa agama Islam mengandungi tuntutan samawi yang dapat membimbing manusia.
4. Jemaat Ahmadiyah menjunjung tinggi kebebasan bersuara lebih dari segala kemerdekaan. Ia sebagai hak kehidupan setiap manusia. Bagi Jemaat Ahmadiyah, paksaan dalam urusan agama merupakan dosa yang begitu keji. Justeru itu haram memerangi

pemerintah yang memberi kebebasan penuh untuk bersuara dan menganuti sebarang agama. Bahkan adalah satu kesalahan besar bagi umat Islam yang membenarkan perperangan disebabkan perbezaan pendapat dalam urusan agama. Ia tidak sesuci dengan ajaran agama yang hakiki.

5. Kewajipan agama yang pokok ialah untuk mentaati sepenuhnya undang-undang dan peraturan pemerintah. Jemaat Ahmadiyah tidak membenarkan sebarang bangkangan terhadap pemerintah dan perbuatan ini bertentangan dengan ajaran Islam. Prinsip ini dipegang teguh walau di mana mereka berada.
6. Jemaat Ahmadiyah percaya kepada keabadian roh dan kehidupan sesudah mati. Ia bukan melalui perpindahan roh atau kebangkitan tubuh kasar kita sama ada di alam ini atau sebaliknya. Mereka percaya, bilamana roh keluar dari tubuh, ia akan melanjutkan kehidupannya dalam suatu kewujudan dan tubuh yang lain. Inti roh yang lebih halus akan menggantikan tubuh. Kewujudan yang baru ini mempunyai daya tangkap roh dan tubuh yang lebih tajam daripada daya tangkap manusia ketika hidup di dunia ini. Roh ini (kewujudan baru) akan terus menerima cahaya dan lebih hampir kepada Tuhan di alam abadi.

7. Jemaat Ahmadiyah mempercayai bahawa janji Tuhan kepada umat manusia berkenaan turunnya seorang nabi di akhir zaman telah menjadi kenyataan melalui Mirza Ghulam Ahmad, pendiri Jemaat Ahmadiyah. Beliau adalah al-Masih yang ditunggu-tunggu oleh umat Kristian, Imam Mahdi yang ditunggu oleh umat Islam, Krisna yang dinanti-nantikan oleh umat Hindu. Salah satu dari tanda kebenaran pengakuan beliau ialah beliau dikurniakan wahyu secara terus dari Allah dalam masa yang panjang. Siapa yang memiliki hati yang bersih dan beriman kepada Tauhid Ilahi serta mentaati ajaran Mirza Ghulam Ahmad, akan mendapat kurnia Ilahi.

Kesimpulannya, perkara-perkara pokok yang menjadi akidah serta tujuan ajaran Qadiani memperlihatkan ciri-ciri perbezaan dengan pegangan umat Islam walaupun mereka cuba menyakinkan bahawa Ahmadiyah adalah Islam sejati dari Rasulullah s.a.w. Antara perbezaan-perbezaannya adalah menyakini Mirza sebagai seorang nabi yang menerima wahyu dari Allah juga kepatuhan kepada pemerintah yang tidak berbelahragi.

1. Syarat-syarat Baiah Menyertai Qadiani

Sebelum berpegang kepada isi kandungan ajaran ini, setiap pengikut Qadiani perlu menjalani proses baiah yang mengandungi beberapa syarat iaitu:

1. Setiap pengikut perlu menjauhi syirik.
2. Sentiasa menghindarkan diri dari bercakap bohong, berzina, pandangan berahi terhadap bukan muhrim, perbuatan fasiq, kejahatan, aniaya, khianat, mengadakan huru-hara dan memberontak, serta tidak mudah dikalahkan oleh tuntunan hawa nafsu.
3. Sentiasa mendirikan sembahyang lima waktu tanpa meninggalkannya sesuai dengan perintah Allah Ta'ala dan Rasulnya. Berusaha bersungguh-sungguh untuk mengerjakan sembahyang tahajud dan membaca selawat terhadap Rasulullah s.a.w.. Disamping membiasakan diri mengucapkan pujian dan sanjungan terhadap Allah Ta'ala, pada setiap hari mengingati kurniaNya dengan hati yang penuh kecintaan.
4. Tidak mendatangkan kesusahan terhadap kaum muslimin khususnya dan makhluk Allah umumnya kerana dorongan hawa nafsu, samada dengan lisan, tangan atau apa cara sekalipun.

5. Setia terhadap Allah Ta'ala tanpa mengira situasi dan kondisi, pendek kata redha atas keputusan Allah Ta'ala; sentiasa bersedia menerima segala kehinaan dan kesusahan di jalan Allah. Tidak akan memaling mukanya dari Allah Ta'ala ketika ditimpa suatu musibah bahkan akan terus melangkah ke depan.
6. Berhenti dari adat yang buruk dan menurut hawa nafsu, dengan menjunjung perintah al-Quran. Segala firman Allah dan sabda Rasul akan menjadi pedoman dalam kehidupan.
7. Meninggalkan sikap takabur dan sombang; hidup dengan merendah diri; lemah-lembut, berbudi pekerti yang halus dan bersopan-santun.
8. Menghargai agama dan menyintai Islam lebih daripada jiwa, harta benda, anak-anak dan segala yang dicintainya.
9. Sentiasa menaruh belas kasih terhadap makhluk Allah di samping mendatangkan faedah kepada umat manusia dengan kekuatan dan nikmat yang dianugerahkan Allah Ta'ala kepadanya.
10. Mengikat tali persaudaraan dengan hamba Allah Ta'ala semata-mata keranaNya. Memberi ketaatan dalam perkara ma'ruf dan berpegang terhadap perjanjian ini hingga ke akhir hayat. Tali

kitab tafsir dan hadis yang muktabar, mereka turut merujuk kepada penulisan Mirza juga kitab Bible terutama perkara-perkara yang menyentuh masalah Kristian.

2). Al-Hadis

Selain berpegang kepada al-Quran, Qadiani turut menempatkan hadis-hadis sahih pada kedudukan kedua di dalam menetapkan sesuatu kepercayaan. Walau bagaimanapun, Qadiani tidak mutlak dan membenarkan sepenuhnya pendapat ahli hadis bilamana terdapat pertentangan maksudnya dengan al-Quran.³

3). Kata-kata Pemimpin Qadiani

Salah satu sumber rujukan Qadiani yang berbeza dengan rujukan umat Islam yang lain ialah mereka berpegang kepada kata-kata pemimpin mereka terutamanya pengasas Qadiani iaitu Mirza. Mirza yang didakwa mendapat wahyu serta ilham terus dari Allah mempunyai autoriti dalam meyakinkan pengikut-pengikut Qadiani terhadap kepercayaan-kepercayaan dalam ajaran tersebut.

Kesimpulannya, terdapat perbezaan antara umat Islam dan pengikut-pengikut Qadiani dalam mengambil sumber-sumber kepercayaan dan hukum. Pengikut-pengikut Qadiani, selain merujuk kepada al-Quran

³ Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad, *Apakah Ahmadiyah Itu*, 1993, cet. 15, Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 23.

dan Sunnah, mereka turut meyakini kata-kata pemimpin mereka terutamanya Mirza dalam menetapkan sesuatu pegangan atas alasan pemimpin-pemimpin Qadiani menerima wahyu terus dari Allah.

Selain daripada sumber-sumber di atas, Qadiani tetap meyakini dan mempercayai akan rukun Iman dan rukun Islam sebagai tunjang utama seseorang yang bergelar Islam. Di dalam bab ini, penulis akan mengemukakan secara ringkas tafsiran-tafsiran Qadiani mengenai rukun Islam. Perbahasan lebih tertumpu kepada rukun Iman pegangan Qadiani dengan membawakan hujah-hujah mereka bersumberkan al-Quran, hadis dan kata-kata Mirza.

a). Rukun Islam Pegangan Qadiani

Pengikut-pengikut Qadiani di Malaysia lebih cenderung menerima pakai pendapat-pendapat mazhab Hanafi dalam melakukan ibadat-ibadat khusus berbanding dengan amalan sebahagian besar umat Islam di Malaysia yang merujuk kepada mazhab Syafie. Menurut pandangan mereka, pendapat-pendapat dalam mazhab Hanafi lebih baik dari sudut keimanan dan pengamalan serta memberi kepuasan kepada akal.⁴

⁴ Wawancara dengan Abd. Satar bin Rauf, mubaligh Qadiani di Baitussalam pada 14^{hb} September 1999.

Namun yang lebih penting, kecenderungan ini selaras dengan saranan-saranan Mirza selaku pengasas, melalui buku-buku karangan beliau. Situasi ini lebih merujuk kepada tempat asal Mirza iaitu India yang mana rata-rata umat Islam di sana bermazhab Hanafi.

Rukun Islam yang menjadi pegangan pengikut-pengikut Qadiani sama dengan pegangan umat Islam yang lain iaitu:

1). Mengucap dua Kalimah Syahadah

Berdasarkan pemerhatian penulis, tidak terdapat perbeaan atau penambahan di dalam syahadah yang diucapkan oleh pengikut-pengikut Qadiani. Mereka meyakini bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan menerima Nabi Muhammad s.a.w sebagai Rasul. Namun terdapat perbeaan dari sudut penerimaan Nabi Muhammad s.a.w sebagai *Khātam al-Nabiyin*, dimana mereka meyakini Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi yang paling sempurna dan bukan yang terakhir. Perbincangan lebih terperinci akan penulis kemukakan di dalam perbahasan mengenai Khātam al-Nabiyin menurut pandangan Qadiani.⁵

2). Mengerjakan Solat

Pengikut-pengikut Qadiani mengerjakan solat fardu lima kali sehari. Perkara ini diberi penekanan yang lebih oleh mubaligh-mubaligh

⁵ Sila rujuk hlm. 143-152.

Qadiani dan mereka digalakkan menunaikannya secara berjemaah. Namun, solat berjemaah yang dilakukan perlu berimamkan dari kalangan mereka sahaja. Ini selaras dengan pesanan oleh Mirza iaitu;

"Tuhan telah memberi tahu kepadaku, Haram dan mutlak haram untuk mengerjakan solat dibelakang seseorang yang mengkafirkan dan mendustakan atau menyatakan murtad. Bahkan hendaknya imammu ialah orang diantaramu." (Fatwa Ahmadiyah)⁶

Justeru itu, pengikut-pengikut Qadiani hanya solat berjemaah sesama mereka di Baitussalam atau bersama dengan ahli keluarga di rumah masing-masing.

3). Menunaikan Zakat

Pengikut-pengikut Qadiani juga diwajibkan untuk mengeluarkan zakat. Zakat dikeluarkan mengikut nasab yang ditetapkan oleh Islam, dibayar kepada amil-amil yang dilantik di kalangan mereka serta diagihkan kemudiannya kepada golongan yang layak dari kalangan mereka juga.

4). Berpuasa Di Bulan Ramadan.

Sebagaimana lazim umat Islam yang lain, pengikut-pengikut Qadiani juga dituntut berpuasa sebulan dalam bulan Ramadan, kecuali di atas beberapa keuzuran syarie antaranya seperti sakit dan bermusafir.

⁶ Hafiz Roshan Ali, *Fiqh Ahmadiyah*, 1989, Terj.: R.Ahmad Anwar, t.c., Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 47.

Berdasarkan beberapa fatwa syariat dan pengamalan Mirza, terdapat penetapan tentang had bermusafir iaitu melebihi sebelas batu (lebih kurang 17km). Manakala pengecualian berpuasa bagi orang-orang yang sakit, dibataskan sakit kepada seluruh jisim merasa tidak nyaman atau salah satu anggota badan sakit sehingga seluruh jisim menjadi resah, sebagai contoh, demam atau sakit mata.⁷

Jika sekiranya seseorang pengikut Qadiani tidak mampu berpuasa, dia dikehendaki membayar fidyah. Wang fidyah tersebut boleh dikirim ke Qadian untuk dimasukkan ke dalam dana orang-orang miskin atau memberi makan orang-orang miskin ditempatnya sendiri.⁸

5). Menunaikan Fardhu Haji Di Mekah

Berdasarkan temubual penulis dengan mualigh Qadiani di Baitussalam, kebanyakan pengikut-pengikut Qadiani sudah menunaikan umrah (melalui negara jiran), bukannya haji. Perkara utama yang menjadi penghalang pengikut-pengikut Qadiani di Malaysia untuk menunaikan haji menurut beliau ialah kedudukan mereka yang telah difatwakan sebagai bukan Islam dan kerajaan Malaysia sendiri didakwa melarang mereka dari menunaikan haji atas alasan tersebut.⁹ Justeru, atas dasar taat

⁷ *Ibid.* hlm. 91.

⁸ *Ibid.* hlm. 95.

⁹ Wawancara dengan Abd. Satar bin Rauf, mualigh Qadiani di Baitussalam pada 14^{hb} September 1999.

kepada pemerintah yang menjadi keyakinan mereka, pengikut-pengikut Qadiani patuh dan tidak pergi menunaikan haji.

Kesimpulannya, walaupun pengikut-pengikut Qadiani meyakini rukun Islam yang sama dengan pegangan umat Islam yang lain, namun terdapat perbezaan yang ketara dari sudut tafsiran dan amalan-amalan mereka terhadap rukun tersebut.

b). Rukun Iman Pegangan Qadiani

Rukun Iman yang diyakini oleh Qadiani mempunyai ciri-ciri persamaan juga perbezaan dengan rukun Iman yang dipegang oleh umat Islam lain. Ianya terdiri daripada 7 rukun iaitu;

1. Beriman kepada Allah yang mempunyai segala sifat yang baik dan bersih dari segala kecacatan. Di antara bukti-bukti kewujudan Allah yang menjadi pegangan Qadiani sebagaimana yang terdapat dalam buku *Filsafat Ajaran Islam* berdalilkan firmanNya;¹⁰

وَأَنِ إِلَىٰ رَبِّكَ الْمُنْتَهَىٰ

Maksudnya:

*"Seluruh rangkaian sebab dan akibat berakhir pada Tuhan engkau."*¹¹

¹⁰ Al-Najm : 43.

¹¹ Mirza Ghulam Ahmad, *Filsafat Ajaran Islam*, 1996, Terj; Mukhlis Ilyas, t.c., Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, him. 71.

Mirza berkata;¹²

اَنَا نَحْنُ مُسْلِمُونَ نُؤْمِنُ بِاللّٰهِ الْفَرَدُ الصَّمَدُ الْاَحَدُ
 (نور الحق جزء ١ موك ٦)

Maksudnya:

"Kami berugama Islam, kami beriman dengan Allah yang satu dan Maha Kaya." (Nurul Haq Juz 1, hlm. 6).

Namun begitu, terdapat juga kata-kata Mirza di dalam penulisan beliau yang berbeza dengan keyakinan umat Islam terhadap Allah. Beliau telah menyamakan Allah dengan makhluk ciptaanNya seperti berjismim, berpuasa, mendirikan solat dan sebagainya.

"Allah telah berkata kepadaKu, sesungguhnya Aku sembahyang, berpuasa, tidur dan jaga." - al-Busyra Jil. 2 hlm. 97.¹³

"Kita dibolehkan untuk menyamakan Allah dengan sesuatu bagi menggambarkan kewujudannya. Allah mempunyai tangan dan kaki yang banyak, anggotanya terlalu banyak, tidak terhitung dan sangat panjang seperti sotong kurita yang mempunyai banyak tangan, mampu meliputi keseluruhan alam." - Taudhīh al-Marām, hlm. 75.¹⁴

Ini menunjukkan walaupun Mirza selaku pengasas menetapkan keyakinan beriman dengan Allah, namun beliau mempunyai persepsi yang

¹² Muhammad Sadiq Barakatullah, *Penerangan Ahmadiyah*, 1956, t.c., Singapura; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 4.

¹³ Ihsan Ilahi Zohir, *al-Qadiyaniyat Dirásat wa Taḥlīl*, 1977, cet. 9, Pakistan; Idārat Tarjuman al-Sunnat, hlm. 97.

¹⁴ *Ibid*, hlm. 99.

lagi menjalankan tugas menyampaikan wahyu kepada golongan yang terpilih sebagai nabi selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. iaitu Mirza.

Keyakinan ini dapat dilihat dari kenyataan Mirza di dalam kitab *Mawāhib al-Rahman* halaman 43.¹⁶

"Sesungguhnya Jibril telah datang kepadaku dan menunding jari kepadaku seraya mengisyaratkan kepadaku; Bahawa Allah menjaga engkau daripada musuh".

Ini menunjukkan keyakinan pengikut-pengikut Qadiani bahawa penurunan wahyu yang dikhkususkan kepada para nabi tidak terhenti dengan kewafatan Rasulullah s.a.w sebagai nabi yang terakhir.

3. Beriman Kepada Kitab-kitab

Qadiani beriman dengan kitab-kitab yang mengandungi wahyu-wahyu dari Allah yang diturunkan kepada para nabi, diantaranya al-Quran yang tepelihara dari setiap perubahan kata mahupun kandungannya.

Selain daripada beriman dengan kitab-kitab seperti Taurat, Injil, Zabur dan al-Quran, pengikut Qadiani turut beriman dengan ilham-ilham

¹⁶ *Ihsān Ilahi Zōhir*, *op.cit.*, hlm. 106.

yang diturunkan kepada Mirza sepihiknya saranan Mirza di dalam Tabligh Risālat Juz 6 halaman 64;¹⁷

"Aku beriman dengan ilham-ilham yang diturunkan kepadaku sebagaimana keimanan kepada Taurat, Injil dan al-Quran."

Pengikut-pengikut Qadiani beriman dengan ilham-ilham yang diturunkan kepada Mirza kerana mereka meyakini kedudukan beliau sebagai seorang nabi yang menerima wahyu terus dari Allah.

4. Beriman Kepada Rasul-rasul

Qadiani mempercayai semua nabi dan rasul samada mereka disebut di dalam al-Quran ataupun tidak tanpa membezakan mereka. Ini jelas dapat dilihat di dalam buku *Penjelasan Jemaat Ahmadiyah Indonesia*, di mana Qadiani berhujah dengan firman Allah;¹⁸

وَرُسُلًا قَدْ قَصَّصْنَاهُمْ عَلَيْكَ مِنْ قَبْلٍ وَرُسُلًا
لَمْ نَقْصُصْنَاهُمْ عَلَيْكَ وَكَلَمَ اللَّهُ مُوسَىٰ تَكْلِيْسًا

Maksudnya;

"Dan (Kami telah mengutuskan) beberapa orang Rasul yang telah Kami ceritakan kepadamu dahulu sebelum ini, dan Rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan hal mereka

¹⁷ *Ibid*, hlm. 107.

¹⁸ Surah Al-Nisa' : 164.

*kepadamu. Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan).*¹⁹

Mereka juga menyakini Nabi Muhammad s.a.w sebagai *Khātam al-Nabiyin* iaitu Nabi Yang Paling Sempurna disamping meyakini kedatangan nabi ummati (Nabi Pengikut) yang sekali-kali tidak membawa syariat baru melainkan menegakkan kembali syariat Rasulullah s.a.w iaitu Mirza Ghulam Ahmad.²⁰

5. Beriman Kepada Hari Kiamat

Meyakini perkara-perkara yang diberitakan di dalam al-Quran, hadis dan “sabda-sabda” Mirza bahawa perkara-perkara tersebut akan terjadi sesudah mati. Umpamanya suka-duka di dalam alam kubur, hari pengadilan, syurga, neraka dan sebagainya

Merujuk kepada *Filsafat Ajaran Islam*, mereka bersandarkan pada firman Allah,²¹

وَكُلَّ إِنْسَنٍ أَلْزَمْنَاهُ طَيْرًا فِي عُنْقِهِ وَنَخْرِجُ لَهُ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ كِتَابًا يَلْقَأُهُ مَنْشُورًا

¹⁹ Terjemahan berdasarkan al-Quran terjemahan Qadiani. Sila rujuk Malik Ghulam Farid, (ed.), *The Holy Quran With English Translation And Commentary*, 1994, t.c., United Kingdom; Islam International Publications Ltd., hlm. 235.

²⁰ Tanpa Pengarang, *Penjelasan Jemaat Ahmadiyah Indonesia*, 1996, t.c., Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 3.

²¹ Al-Isra' : 14.

Maksudnya:

*"Dan bagi tiap-tiap manusia telah Kami ikatkan amal perbuatannya pada lehernya. Dan Kami zahirkan baginya pada hari kiamat, dan kami akan memperlihatkan dalam bentuk sebuah daftar amal perbuatan yang telah terbuka."*²²

Menurut tafsiran mereka, perkataan  yang bermaksud burung, secara kiasan diertikan juga sebagai amal perbuatan. Ini adalah kerana, setiap amal sama ada baik atau buruk, setelah dilakukan akan terbang seperti burung, namun kesannya akan tetap berbekas di dalam hati. Setiap bentuk perbuatan manusia sama ada baik atau buruk walaupun secara tersembunyi akan Allah zahirkan di akhirat.²³

Manakala seksaan neraka dan nikmat syurga, menurut keyakinan mereka, sifatnya bukan jasmani tetapi rohani seperti dalam mimpi.²⁴ Neraka itu tidak kekal, akhirnya ia akan kosong dan lenyap.²⁵

6. Beriman Kepada Takdir

Ajaran Qadiani menganjurkan kepada pengikut-pengikutnya menyakini bahawa segala pertimbangan baik dan buruk adalah dari Allah dan setiap pekerjaan yang akan dan harus dilakukan oleh manusia di dalam masa hidupnya telah ditetapkan Allah sebelum manusia diciptakan.

²² Mirza Ghulam Ahmad, *Filsafat Ajaran Islam*, *op.cit.*, hlm. 110.

²³ *Ibid.*

²⁴ Ahmad Hariadi M.Mahfuz, *Kenapa Saya Keluar Dari Ahmadiyah Qadiani*, 1987, cet. 1, Singapura; Persatuan Islam Dan Pencak Silat, hlm. 6.

²⁵ Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad, *Da'watul Amir*, 1989, Terj.: Sayyid Shah Muhammad Al-Jaelani, cet. 1, Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 206.

7. Mempunyai keyakinan bahawa Nabi Isa yang diutuskan kepada Bani Israil, lahir tanpa bapa. Sebagaimana lazimnya seorang manusia, beliau hidup di dunia ini dan telah meninggal dunia.²⁶

Keyakinan ini telah dijadikan salah satu daripada rukun Iman bagi pengikut-pengikut Qadiani yang perlu diimani dan akan menjaskankan keimanan mereka jika sebaliknya. Penguraian tentang kewafatan Nabi Isa menurut kepercayaan Qadiani, penulis perincikan di dalam bahagian konsep kenabian dan kerasulan.²⁷

Kesimpulannya, terdapat jurang perbezaan yang amat ketara antara pegangan umat Islam terhadap rukun Iman berbanding dengan keyakinan Qadiani, terutamanya perkara-perkara yang merujuk kepada masalah kenabian.

3. Konsep-konsep Kepercayaan Dalam Ajaran Qadiani

Bahagian ini akan membahaskan beberapa konsep kepercayaan yang menjadi ikutan dan pegangan pengikut-pengikut Qadiani. Penulis akan perincikan konsep-konsep tersebut berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan pengikut-pengikut Qadiani merujuk kepada al-Quran, al-Hadis, kata-kata ulama dan terutama pandangan-pandangan Mirza.

²⁶ Hafiz Roshan Ali, *op.cit.*, hlm. 12.

²⁷ Sila rujuk hlm. 140-143.

a). Konsep *Tanāsukh al-Arwāḥ* dan *Waḥdat al-Wujūd*

Salah satu konsep kepercayaan ajaran Qadiani yang telah dipelopori oleh Mirza ialah konsep *tanāsukh al-Arwāḥ* dan *waḥdat al-wujūd*. Kedua-dua konsep telah diterapkan secara tidak langsung kepada pengikut-pengikut Qadiani melalui penulisan-penulisan Mirza. Terdapat beberapa ciri persamaan antara pegangan Qadiani dengan pegangan pengikut agama Hindu berhubung dengan konsep *tanāsukh al-Arwāḥ* dan *waḥdat al-wujūd*. Walaubagaimanapun, ianya telah disesuaikan dengan ajaran Qadiani yang masih meletakkan pengabdian mereka pada Allah dan ketaatan kepada rasul.

Tanāsukh dari segi bahasa bermaksud bergilir-gilir atau bertukar, sesuatu keadaan mengambil tempat yang lain.²⁸ Manakala dari segi istilah membawa maksud perpindahan roh ke dalam sesuatu jasad yang lain setelah keluar dari jasad yang asal.²⁹ Perpindahan roh yang berlaku turut melibatkan perpindahan antara roh manusia kepada binatang dan sebaliknya.³⁰ Tanasukh juga turut diistilahkan dengan pengulangan kelahiran.

²⁸ Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muhammad ibn Mukarram al-Ansōrī, *Lisān al-'Arab*, t.t., Jil. 12, t.c., Kaherah; al-Dār al-Miṣriyya, hlm. 61.

²⁹ Al-Jurjānī, 'Ali ibn Muhammad al-Syarīf, *Kitāb al-Ta'rifāt*, 1985, cet. 1, Beirut; Maktabat al-Lubnān, hlm. 72.

³⁰ Al-Baghdādī, Abī Mansur 'Abd al-Qāhir ibn Tohir, *al-Farq baina al-Firaq wa Bayān al-Firqat al-Nājiyat Minhum*, t.t., cet. 1, Kaherah; Muassasat al-Ḥalabī, hlm. 162.

Mirza di dalam penulisan beliau turut memperkatakan tentang *tanāsukh al-Arwāḥ*. Antara lain Mirza berkata;

1.

ان الانبياء كانت تتناسخ أرواحهم ويتمضي روح بعضهم
وحقيقتهم جسد بعضهم وتظهر في مظهر الآخر³¹

Maksudnya;

Bahawa roh para nabi sentiasa berpindah-pindah dimana roh seorang mereka berada pada nabi yang lain dan hakikat jasad mereka adalah jasad yang lain yang lahir dalam bentuk yang lain pula.

2.

إن مراتب الوجود دائرة، وقد ولد إبراهيم بعادته وفطرته
ومشابهته القلبية، بعد وفاته بخوالف ستة وخمسين في
بيت عبد المطلب ويسمى بـ محمد صلی الله علیه وسلم³²

Maksudnya;

Bahawa susunan kewujudan adalah silih berganti dan dilahirkan Ibrahim dengan adat dan fitrah semulajadinya serta persamaannya yang bersifat rohi, selepas kewafatannya (setelah tempoh lima puluh satu tahun) lahir semula ia di rumah Abdul Mutalib dengan diberi nama Muhammad s.a.w.

Manakala konsep *wahdat al-wujūd* memberi maksud penyatuan diri manusia dengan tuhan. Konsep ini mula tersebar dikalangan umat Islam sekitar kurun ketiga melalui ahli-ahli sufi yang melampau dalam

³¹ Al-Nadawī, Abū al-Hassan ‘Ali al-Husaynī, *al-Qādiyāniyyāt wa al-Qādiyāniyyat*, 1983, cet. 5, Baghdad; al-Dār al-Su‘udiyyat, hlm. 79.

³² *Ibid*, hlm. 80.

pegangan mereka. Golongan ini berpendapat bahawa wujud kehidupan makhluk adalah lampias dari kewujudan Allah.³³

Konsep yang sama juga dapat dilihat dalam ajaran Hindu yang dikenali sebagai Pantheisme. Golongan Hindu percaya kehidupan manusia seluruhnya adalah limpahan dari kehidupan Brahma.³⁴ Konsep ini secara tidak langsung turut tercerna dalam ajaran Qadiani dan jelas dapat dilihat dari penulisan-penulisan Mirza. Mirza telah mendakwa dirinya diiktiraf sebagai anak tuhan dan kedatangannya adalah dari sumber yang satu iaitu daripada tuhan.

"Tuhan telah berkata kepadaku; Dengarlah wahai anakku" -
al-Busyra, Juz. 1, hlm. 49.³⁵

"Kau adalah seperti anakku, oh Bulan! oh Matahari! Kau datang daripadaku dan Aku datang daripada engkau." -
Haqiqatul wahy, hlm. 86.³⁶

Berdasarkan kenyataan-kenyataan Mirza di atas, jelas menunjukkan bahawa konsep *tanāsukh al-Arwāḥ* dan *wahdat al-wujūd* pegangan agama Hindu serta ahli tasawuf melampau turut mendasari ajaran Qadiani walaupun dalam bentuk yang agak berbeza.

³³ Muhammad Farid Wajdi, *Dāīrat Ma'ārif*, t.t., Jil. 10, t.c., Beirut; al-Maktabat al-'Ilmaniyyat al-Jadidat, hlm. 674.

³⁴ Edward Washburn Hopkins, *The Religions Of India*, 1977, cet. 3, New Delhi; Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd., hlm. 29.

³⁵ Ihsan Ilahi Zohir, *op.cit.*, hlm. 100.

³⁶ Mohamed S.Vewda, *Qadiani Movement A Critical Study*, 1979, t.c., Pakistan; Majlis Tahaffuze Khatme Noboowat, hlm. 14.

b). Konsep Kenabian dan Kerasulan

Pengertian nabi dari sudut bahasa menurut ajaran Qadiani tidak jauh berbeza dengan apa yang difahami oleh umat Islam pada umumnya. Nabi ialah *orang yang mengkhabarkan tentang hal-hal ghaib yang akan terjadi di masa mendatang melalui perantaraan wahyu dari Allah*.³⁷

Definasi nabi menurut pegangan jemaat ini berhujahkan kepada dalil-dalil dari al-Quran, al-hadis juga pandangan ulama sebagaimana dipetik dari buku *Masalah Khataman Nabiyin*.³⁸

1) Dalil al-Quran³⁹

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ

Maksudnya,

"Tidakkah kami utuskan sebelum engkau melainkan laki-laki, kepada mereka kami turunkan wahyu".

2) Dalil dari Hadis⁴⁰

قال عمر ابن عبيدة السلامى له ما انت فقال انا النبي
فقال وما النبي فقال ارسلنى الله عزوجل

³⁷ Allamah Ghulam Bari Saif, *Cara Mengenal Nabi*, 1992, cet.1, Jakarta; All Right Reserved, hlm. 2.

³⁸ Saleh A.Nahdi, *Masalah Khataman Nabiyin*, 1991, cet. 3, Jakarta; PT. Arista Brahmataysa, hlm. 78, 79 dan 80.

³⁹ Al-Anbiya' : 7.

⁴⁰ Muslim, *Sahih Muslim*, Juz 1, hlm. 307.

Maksudnya,

“Dikatakan Amru Ibnu ‘Abasah as-Salami kepadanya (Rasulullah), Siapa engkau? Kata (Rasulullah), “Aku Nabi”. Katanya lagi, “Apa itu nabi?” (Dijawab Rasul) “Aku diutus oleh Allah”.

3) Pandangan ulama

Menurut Ibnu Taimiyah, *“Seseorang itu menjadi nabi apabila Allah memberitahu kepadanya khabar-khabar ghaib dan inilah kelebihan yang membezakannya dari yang bukan nabi”*.

Berdasarkan dalil-dalil di atas, Qadiani mendefinisikan nabi sebagai seorang utusan Allah yang telah diberitahu tentang peristiwa-peristiwa ghaib melalui wahyu.

Namun begitu, dari sudut istilah terdapat perbezaan pengertian nabi menurut pandangan Qadiani dengan umat Islam lain. Menurut mereka, nabi ialah *seseorang yang dipilih oleh Allah dikalangan hamba-hambanya kerana kecintaan dan kesetiaannya pada Tuhan. Ia diberi tugas untuk memimpin umat manusia*.⁴¹

Terdapat tanda-tanda tertentu menurut kefahaman jemaat ini dalam mengenali nabi yang benar. Antaranya ialah seseorang nabi yang benar akan mengisyiharkan dirinya diutus Allah, kedatangannya disaat dunia

⁴¹ Hamka Haq al-Badry, *Koreksi Total Terhadap Ahmadiyah*, 1981, cet. 1, Jakarta; Yayasan Nurul Islam, hlm. 47.

dilanda kehancuran. Sebelum menzahirkan diri sebagai nabi, terbukti kehidupannya bersih dari sebarang maksiat. Pengikut-pengikutnya akan terdorong patuh kepada perintah Allah. Nabi tersebut seperti manusia biasa tetapi lahir dari keturunan yang terkenal.⁴²

Justeru itu, pengikut Qadiani meyakini bahawa Mirza Ghulam Ahmad itu adalah Nabi dan Rasul.⁴³ Keyakinan ini adalah berdasarkan pengakuan Mirza bahawa beliau telah mendapat wahyu dan diangkat Allah sebagai nabi. Antara ilham-ilham yang diterima oleh Mirza ialah;

"Dan kami tidak mengutus engkau wahai Mirza Ghulam Ahmad kecuali untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam".(Haqiqatul Wahyi, hlm. 72).⁴⁴

"Katakanlah wahai Mirza Ghulam Ahmad, sesungguhnya aku ini adalah manusia biasa seperti kamu, hanya diberi wahyu kepadaku". (Haqiqatul Wahyi, hlm. 81-82).⁴⁵

Pengisytiharan diri sebagai nabi oleh Mirza diterima sepenuhnya oleh pengikut jemaat ini memandangkan mereka telah mengaku taat setia

⁴² Allamah Ghulam Bari Saif, *op.cit.*,hlm 50.

⁴³ Tanpa Pengarang, Penjelasan Jemaat Ahmadiyah Indonesia, *op.cit.*, hlm. 1.

⁴⁴ *Ibid*, hlm. 8.

Bagi Jemaat Ahmadiyah, ilham tersebut bermaksud bahawa pengasas jemaat ini adalah penerus Nabi Muhammad s.a.w dan harus menyelesaikan tugas beliau sebagai rahmat untuk seluruh alam.

⁴⁵ *Ibid*.

Ilham tersebut difahami sebagai peringatan untuk Mirza supaya tidak bersedih hati dengan penentangan pihak lawan dan penentangan ini sebagai bukti kebenaran beliau.

dan beriman kepada segala pengakuan Mirza sebaik sahaja berbaiah untuk menyertai Jemaat Ahmadiyah.

- i). ***Khātam Al-Nabiyyin* Menurut Pandangan Qadiani**
- 1). **Pengertian *Khātam Al-Nabiyyin***

Pengertian *Khātam Al-Nabiyyin* dari kaca mata Qadiani merupakan salah satu perbahasan penting dalam membicarakan tentang ajaran jemaat tersebut. Ini adalah kerana takrifan tersebut selari dan seiring dengan keyakinan mereka bahawa Mirza Ghulam Ahmad adalah nabi dan diutus Allah.

Perkataan *Khātam* dari perkataan arab (ﺗَمَّ) mengikut definasi Qadiani membawa maksud *cop, memeteri*. Definasi kedua khatama ialah *akhir sesuatu benda atau melindungi sesuatu benda*. Khatama juga bermaksud *yang terbaik dan paling sempurna*.⁴⁶ Oleh itu, *Khātam al-Nabiyyin* memberi dua maksud; pertama, *Nabi yang terbaik dan paling sempurna*. Kedua; *Nabi yang terakhir*.

Bagi pengikut Qadiani mereka berpegang bahawa Nabi Muhammad sebagai *Khātam al-Nabiyyin* bermaksud *nabi yang terbaik dan paling sempurna*. Ini jelas dapat dilihat di dalam buku-buku karangan mereka berkenaan dengan masalah *Khātam al-Nabiyyin*. Antaranya ialah;

⁴⁶ Malik Ghulam Farid (ed.), *op.cit.*, hlm. 911.

- 1) "In the sense that he is the last and final rot in the sense of time but because of glory and evaltedness and also because of his high rank and dignity."⁴⁷
- 2) "Makna lain bagi Khatam ialah kesinambungan berkat-berkat Rasulullah. Dengan itu, Rasulullah sebagai Khātam al-Nabiyyin memberi maksud kemampuan baginda memberi kesan keistimewaan yang dimilikinya kepada orang lain."⁴⁸

Kenyataan-kenyataan di atas menegaskan keyakinan mereka akan kedudukan Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi yang paling sempurna dan paling istimewa. Keistimewaan tersebut boleh diwariskan kepada orang lain selepas baginda.

2). Perbahasan Qadiani Berhubung Surah Al-Ahzab Ayat 40.

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ
وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

⁴⁷ Naazim-I-Irshad, *Khataman Nabiyeen*, 1982, cet.1, London; London Mosque, hlm. 8.

⁴⁸ Mirza Tahir Ahmad, "Khutubah Jum'ah pada 28.2.1992 di Masjid Fezil London, Terj; Fazal Muhammad", *Kumpulan Khutubah Hazrat Khalifatul Masih IV Atba*, 1992, t.c., Indonesia; Jemaat Ahmadiyah Indonesia, hlm. 130.

Maksud,

"Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapa dari seorang lelaki dikalangan kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup nabi. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

Menurut pegangan Qadiani, *Khātam al-Nabīyyīn* dalam ayat tersebut ialah Nabi Muhammad s.a.w membawa syariat yang terakhir untuk seluruh umat manusia sebagai rahmat kepada alam semesta. Namun begitu, perkataan *Khātam al-Nabīyyīn* tidak menunjukkan sama sekali bahawa nikmat untuk umat baginda sudah terhenti. Ini adalah kerana tidak ada sebarang ayat dalam al-Quran yang memberi pengertian *Khātam al-Nabīyyīn* sebagai penutup pintu rahmat dan nikmat Ilahi.⁴⁹

Pandangan tersebut bersandarkan kepada beberapa hujah antaranya ialah;

1. Asbabun Nuzul

Ayat 40 Surah al-Ahzab diturunkan bagi menolak fitnah orang-orang kafir dan munafik yang menuduh Rasulullah mengahwini bekas menantu angkatnya sendiri (Zainab) iaitu isteri kepada anak angkat baginda Zaid al-Harithah.

Oleh kerana itu, Qadiani berpegang bahawa ayat tersebut tidak ada hubungan langsung dengan soal akan ada lagi nabi

⁴⁹ Saleh A.Nahdi, *op.cit.*, him. 12.

selepas nabi Muhammad ataupun tidak. Ayat tersebut bermaksud, "Bahawa Muhammad bukanlah bapa sesiapa dikalangan kamu melainkan orang suci yang bukan sahaja mempunyai kelebihan ke atas semua manusia tetapi juga ke atas para nabi sekaligus beliau adalah penghulu yang paling mulia di antara semua."⁵⁰

2. Pegangan kepada sebuah hadis;

واخرج ابن أبي شيبة عن عائشة رضي الله عنها
قالت قولوا خاتم النبيين ولا تقولوا لانى بعده⁵¹

Maksudnya;

"Katakanlah (Nabi Muhammad) khatam para nabi tetapi jangan mengatakan bahawa sesudah beliau tidak ada lagi nabi."

3. Pendapat ulama

i. Menurut Syah Waliyullah al-Dihlawi;

ختم به النبيون أى لا يوجد من يأمر
الله سجانه بالتشريع على الناس⁵²

⁵⁰ *Ibid*, hlm. 14.

⁵¹ Al-Suyūṭī, al-Imām Jalāl al-Dīn ‘Abd. Rahmān ibn Abi Bakr ibn Muhammad, *Dār al-Manthūr Fī al-Tafsīr bi al-Ma’thūr*, t.t., Jil. 5, t.c., Beirut; Dār al-Ma’rifat, hlm. 204. (Selepas ini al-Suyūṭī)

Hujah ini penulis rujuk Saleh A.Nahdi, *op.cit.*, hlm. 43.

⁵² Al-Dihlawi, *Tafsīmāt Ilaḥiyah*, Juz. 2, hlm. 72.

Hujah ini penulis rujuk Saleh A.Nahdi, *op.cit.*, hlm. 17.

Maksudnya;

"Telah dikhatham semua nabi-nabi dengan kedatangan Nabi Muhammad bermaksud; Tidak ada lagi seseorang yang diutuskan Allah bagi mengajarkan suatu syariat baru kepada manusia".

ii. Imam Muhyiddin Ibn Arabi

فالنبوة سارية إلى يوم القيمة في
الخلق وأن التشريع قد انقطع⁵³

Maksudnya;

"(Pangkat) Kenabian itu akan berterusan hingga hari kiamat pada makhluk sekalipun syariat sudah putus....."

Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa bagi Qadiani, *Khātam Al-Nabiyyin* tidak bermaksud Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi yang terakhir bahkan nabi-nabi lain akan tetap diutus Allah selagi keadaan masih memerlukan. Pengutusan nabi-nabi tersebut hanya meneruskan syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w tanpa membawa sebarang syariat baru.

⁵³ Ibn Arabi, Muhyiddin, *al-Futuhat al-Makkiyat*, Juz 2, hlm. 100. Hujah ini penulis rujuk Saleh A.Nahdi, *op.cit.*, hlm. 43.

3). **Dalil-dalil dari al-Quran dan Hadis Tentang Kedatangan Nabi Selepas Nabi Muhammad.**⁵⁴

Pegangan Qadiani tentang kedatangan nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w telah diperkuuhkan dengan mendatangkan beberapa bukti bersumberkan ayat-ayat al-Quran dan Hadis. Disamping itu juga, mereka turut membuat beberapa penafsiran dan kesimpulan terhadap ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis berikut. Antaranya ialah;

1. **Dalil-dalil dari al-Quran**

i.

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا⁵⁵

Maksudnya;

"Tidakkah kami turunkan azab melainkan kami utuskan Rasul terlebih dahulu."

ii.

رَبَّنَا لَوْلَا أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَبَعِّ

ءَآيَاتِكَ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَذَلَّ وَنَخْرِي⁵⁶

Maksudnya;

"Wahai Tuhan kami, mengapa engkau tidak mengirimkan Rasul kepada kami lebih dahulu, supaya kami dapat

⁵⁴ Tanpa Pengarang, Kami Orang Islam, *op.cit.*, hlm. 47, 48 dan 57.

⁵⁵ Al-Isra' : 15.

⁵⁶ Thaha : 134.

menurut ayat (firman-firman) Engkau sebelum kami menderita kehinaan dan kesengsaraan.”

iii.

وَإِنْ مَنْ قَرِيبَةٌ إِلَّا نَحْنُ مُهْلِكُوهَا قَبْلَ يَوْمٍ
الْقِيمَةُ أَوْ مَعْذِلَتُهَا عَذَابًا شَدِيدًا⁵⁷

Maksudnya;

“Tidaklah satu dosa pun sebelum berlakunya kiamat, melainkan kami akan membinasakan atau mengazabnya dengan sehebat-hebatnya.”

Berdasarkan ketiga-tiga ayat di atas, mereka menyimpulkan bahawa kedatangan rasul-rasul sebelum hari kiamat bukan perkara ‘mungkinat semata-mata, bahkan pasti berlaku.

iv.

اللَّهُ يَصُطَّفِي مِنَ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا
وَمِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ⁵⁸

Maksudnya;

“Kami akan memilih Rasul-rasul daripada malaikat dan manusia.”

⁵⁷ Al-Isra : 58.

⁵⁸ Al-Haj : 75.

Dalam ayat di atas menjelaskan bahawa pemilihan rasul-rasul akan tetap berlaku kerana perkataan ‘memilih’ dalam *sighah muḍari* (*present and future tense*) yang bermaksud sedang atau akan memilih, bukan telah memilih. Oleh kerana ayat ini turun setelah Rasulullah s.a.w. terpilih dan ketika itu tidak akan berlaku pemilihan lagi, maka kalimah يَعْلَمُنِي dapat diertikan dengan akan memilih.

Merujuk kepada dalil-dalil beserta penafsiran yang telah dibuat terhadap ayat-ayat al-Quran tersebut, jelas bahawa mereka meyakini akan kewujudan nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w.

2. Dalil dari Hadis

Qadiani turut mengemukakan hadis bagi memperkuatkan hujah mereka. Antaranya ialah:

إِنَّمَا مَرْضِيَّا فِي الْجَنَّةِ وَلَوْعَاشَ لِكَانَ صَدِيقًا نَبِيًّا⁵⁹

Maksudnya;

“Sesungguhnya di syurga ada pengasuhnya dan sekiranya usia Ibrahim panjang, tentu ia akan menjadi seorang nabi yang benar.”

⁵⁹ Tarikh Ibn 'Asākir, Jil 1, hlm. 285.
Rujukan ini bersumberkan Saleh A. Nahdi, *op.cit.*, hlm. 15.

Hadis riwayat Ibn Abbas ini menceritakan tentang peristiwa kewafatan putera Rasulullah s.a.w yang bernama Ibrahim, anak dari isteri nabi yang bernama Mariah Qibtiyyah.

Peristiwa tersebut berlaku pada tahun ke 9 hijrah, sedangkan ayat *Khātam Al-Nabiyin* turun pada tahun ke 5 hijrah. Sekiranya ayat *Khātam Al-Nabiyin* bermaksud nabi yang terakhir, maka seharusnya baginda bersabda; sekiranya usianya panjang sekalipun, ia tidak akan menjadi nabi, kerana aku adalah nabi yang terakhir.

Berdasarkan maksud hadis tersebut, ajaran Qadiani membuat kesimpulan seperti berikut;

- i. Akan ada nabi lain selepas baginda.
- ii. Putera baginda tidak menjadi nabi kerana meninggal dunia dalam usia kecil.
- iii. Putera baginda Ibrahim, pasti akan menjadi nabi jika usianya panjang.
- iv. Kemungkinan akan muncul nabi tidak hanya dalam jarak masa yang lama tetapi masa yang sangat hampir dengan baginda.

Berdasarkan pengertian *Khātam Al-Nabiyin* juga hujah-hujah dari al-Quran dan hadis, kesimpulan yang dapat dibuat bahawa pengikut

diutuskan selepas baginda akan meneruskan syariat Nabi Muhammad s.a.w tanpa membawa syariat yang baru.

ii). Mirza Ghulam Ahmad - Imam Mahdi Yang DiTunggu

Kedatangan Imam Mahdi merupakan salah satu daripada tandanya akan berlakunya kiamat. Terdapat banyak hadis nabi yang menyebut tentang kedatangan Imam Mahdi sebagai penyelamat umat Islam dari kesesatan di akhir zaman.

Perbahasan mengenai kedatangan Imam Mahdi turut menjadi agenda penting dalam ajaran Qadiani. Bahkan, mereka percaya dan meyakini bahawa Imam Mahdi yang dinyatakan di dalam hadis-hadis sebagai utusan Allah di akhir zaman telah datang. Penulis akan mengemukakan pandangan Qadiani tentang Imam Mahdi serta bukti-bukti yang mereka yakini bahawa Imam Mahdi telah muncul.

1). Alam sebagai saksi dan Dakwaan-dakwaan Mirza.

Menurut ajaran Qadiani, kepercayaan kepada Imam Mahdi adalah sama dengan kepercayaan kepada rasul-rasul utusan Allah sebagaimana yang terdapat dalam rukun Iman yang keempat. Ini adalah kerana

seseorang yang diutus Allah dengan sendirinya menjadi rasul dan wajib beriman dengannya.⁶⁰

Pengikut Qadiani berpegang pada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Baqir Muhammad bin Ali r.a;

إن لمهدنا ايتين لم تكونا منذ خلق السموات والارض
تنكسف القمر لأول ليلة من رمضان وتنكسف الشمس
في النصف منه، ولم تكونا منذ خلق الله السموات والارض⁶¹

Maksudnya,

"Bagi Mahdi kami telah tetapkan dua tanda. Dan semenjak langit serta bumi diciptakan, tanda ini tidak pernah zahir untuk utusan atau rasul lain. Diantaranya adalah di zaman Mahdi yang dijanjikan akan berlaku gerhana bulan di bulan Ramadhan pada malam pertama (dan malam-malam yang telah ditetapkan baginya) dan gerhana matahari pada pertengahan (dari hari-hari yang telah ditentukan baginya). Dan ini adalah tanda yang belum pernah zahir bagi seorang utusan pun semenjak Allah menciptakan langit dan bumi."

Pada awal tahun 1891, pengasas ajaran Qadiani iaitu Mirza Ghulam Ahmad mendakwa telah mendapat perintah Ilahi supaya mengumumkan dirinya sebagai *al-Masih* dan Mahdi yang dijanjikan untuk menegakkan

⁶⁰ Mohamad Zain Hassan, *Alam Sebagai Saksi*, 1991, t.c., Selangor; Pustaka Ansharullah, hlm. 12.

⁶¹ Dar al-Qutni, Jil. 2, hlm. 65.

Rujukan ini dikemukakan Qadiani di dalam; Tanpa Pengarang, Survenir Peringatan Seabad Gerhana Bulan Dan Gerhana Matahari, *op.cit.*, hlm. 28.

kembali Islam serta menyelamatkan umat manusia dari cengkaman syaitan.

Berkebetulan dengan hadis ini, tiga tahun selepas dakwaan Mirza telah berlaku gerhana bulan dan gerhana matahari. Kedua-dua gerhana tersebut berlaku pada bulan Ramadan. Gerhana bulan berlaku pada hari khamis 22^{hb} Mac 1894 bersamaan 13 Ramadan 1311. Manakala gerhana matahari berlaku pada hari jumaat, 6^{hb} April 1894 bersamaan 28 Ramadan 1311.⁶²

Tidak lama selepas peristiwa gerhana tersebut, Mirza telah menulis sebuah buku yang berjudul “*Nurul Haq*” (Cahaya Kebenaran) Bahagian II yang antara lain isi kandungan membahaskan tentang gerhana bulan dan matahari. Menurut beliau penafsiran yang benar mengenai hadis Darul Qutni ialah di zaman Imam Mahdi bulan akan gerhana pada malam pertama dari ketiga malam purnama (iaitu pada 13 Ramadan) dan matahari akan gerhana pada pertengahan dari ketiga hari matahari biasa gerhana (iaitu pada 28 Ramadan).⁶³

Peristiwa dua gerhana dalam bulan Ramadan telah menjadi satu hujah penting bagi Mirza dalam membenarkan dakwaan beliau sebagai

⁶² Saleh Muhammad Alladin, "Gerhana Bulan Dan Gerhana Matahari sebagai Tanda Kedatangan al-Masih yang Dijanjikan", *Risalah*, 1994, Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 5.

⁶³ *Ibid.*

Imam Mahdi yang diutus Allah. Disamping hujah dari peristiwa gerhana tersebut, dakwaan-dakwaan Mirza juga menjadi pegangan pengikut-pengikut Qadiani tentang kebenaran Mirza. Antara dakwaan-dakwaan Mirza ialah;

"Saya dapat bersumpah berdiri di Kaabah, bahawa tanda ini [pen - gerhana bulan dan matahari] adalah untuk membuktikan kebenaran saya. Bukan untuk membuktikan kebenaran seseorang yang belum pernah didustakan dan mengenainya belum pernah timbul kehebohan berupa tuduhan kafir, dusta serta fasiq. Dan demikian pula saya bersumpah dihadapan Kaabah bahawa dari tanda ini telah terjadi penetapan abad. Ini adalah kerana ketika muncul tanda tersebut di abad ke 14 untuk membuktikan kebenaran seseorang, maka sudah tetaplah bahawa Rasulullah menetapkan abad ke 14 juga bagi kemunculan Mahdi." (Tohfah Golerwiyah : 143).⁶⁴

"Kami tidak membahaskan kekerapan gerhana bulan dan gerhana matahari terjadi pada tanggal-tanggal tertentu dalam bulan Ramadhan sejak permulaan dunia hingga hari ini. Tujuan kami hanya menyebutkan bahawa semenjak saat manusia muncul di dunia ini, gerhana bulan dan gerhana matahari telah terjadi sebagai tanda hanya di zamanku, untukku. Sebelum aku, tidak ada seorang pun mendapat keadaan ini iaitu di suatu masa ia mendakwa dirinya Mahdi Mau'ud (Mahdi Yang Dijanjikan) dan selepas pendakwaannya, di dalam bulan Ramadhan, pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan, gerhana bulan dan gerhana matahari terjadi dan ia menyatakan gerhana-gerhana itu sebagai tanda-tanda yang mendokong kebenarannya. Hadis Darul Qutni sama sekali tidak menyatakan bahawa gerhana bulan dan gerhana matahari tidak pernah terjadi lebih awal sebagai tanda-tanda." (Chashma Marifat, hlm. 314).⁶⁵

⁶⁴ Tanpa Pengarang, Survenir Peringatan Seabad Gerhana Bulan Dan Gerhana Matahari, *op.cit.*, hlm. 15.

⁶⁵ Saleh Muhammad Alladin, *op.cit.*, hlm. 10.

Berdasarkan peristiwa gerhana bulan dan gerhana matahari yang berlaku pada bulan Ramadhan juga pendakwaan-pendakwaan Mirza selaras dengan peristiwa tersebut telah memberi keyakinan kepada pengikut-pengikut Qadiani tentang kebenaran Mirza. Mirza Ghulam Ahmad merupakan Imam Mahdi yang dijanjikan menurut kepercayaan mereka.

2). Bukti-bukti Dari al-Quran dan Hadis

Selain daripada peristiwa gerhana dan pendakwaan Mirza, aliran kepercayaan ini turut mengenangkan ayat al-Quran dan hadis berserta definasinya bagi membenarkan Mirza sebagai Imam Mahdi. Antaranya ialah:

1. Firman Allah,⁶⁶

وَلَوْ تَقُولَ عَلَيْنَا بَعْضَ آلْفَاقِوْبِيلِ لَاَخَذْنَا مِنْهُ
بِالْيَمِينِ. شَهَدَ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ.

Maksudnya,

"Seandainya dia membuat perkataan dan perkataan itu dinisahkan kepada kami (44). Maka kami akan menangkap tangan kanannya (45). Kemudian kami akan putuskan urat jantungnya (46)."

Menurut fahaman Qadiani, ayat tersebut memperjelaskan tentang dakwa dusta seseorang tentang penerimaan wahyu sedangkan beliau tidak

⁶⁶ Al-Haqqah : 44 - 46.

menerimanya, akan Allah datangkan balasan yang perit. Beliau juga tidak akan hidup lama serta pergerakannya tidak akan berkembang.

Perkara yang sebaliknya telah berlaku kepada Mirza. Jika sekiranya beliau berdusta dalam pendakwaannya, menurut Qadiani pastinya beliau akan dibinasakan Allah. Akan tetapi beliau terus dihidupkan sehingga tahun 1908, 17 tahun lagi selepas pendakwaan tersebut.⁶⁷

2. Hujah Qadiani berdasarkan hadis-hadis mengenai ciri-ciri Imam Mahdi,

عن أبي سعيد الخدري قال رسول الله
تخرج رجل من أمتى يقول بستني⁶⁸

Maksudnya;

*Dari Abi Sa'id al-Khudry bersabda Rasulullah s.a.w.
"Akan keluar seorang lelaki (Mahdi) daripada
umatku, dia akan berfatwa menurut sunnahku"*

قال رسول الله (ص) الله عليه وسلم
لأنذهب الدنيا حتى يملك العرب رجل من
أهل بيتي يواطئ اسمه اسمي⁶⁹

Maksudnya;

*Bersabda Rasulullah s.a.w. "Dunia tidak akan
gemilang sehingga muncul seorang dari keluargaku*

⁶⁷ Mohamad Zain Hassan, *op.cit.*, hlm. 12.

⁶⁸ Abi Daud, *Sunan Abi Daud*.

Hujah ini bersumberkan Muhammad Sadiq Barakatullah, *op.cit.*, hlm. 274.

⁶⁹ *Ibid.*

menguasai negara Arab yang sememangnya sesuai dengan namaku.”

Menurut keyakinan pengikut Qadiani, al-Mahdi yang dimaksudkan dalam hadis-hadis Mahdiyyah, bukanlah berasal dari Mekah atau Madinah, akan tetapi dari Persia yang tidak ada hubungan sama sekali dengan keturunan Rasulullah. Jika sekiranya al-Mahdi perlu dari keturunan Ahlul-Bait sepermulaan hadis di atas, maka yang dimaksudkan tidaklah semestinya mempunyai hubungan darah dengan nabi, tetapi ianya merupakan seorang yang soleh, taat dan setia kepada nabi, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Salman al-Farisi, dan diakui oleh nabi dalam sabdanya;

سَلْمَانُ مِنْ أَهْلِ الْبَيْتِ

Maksudnya;

“Salman termasuk (keluarga) kami Ahlul-Bait”.

Justeru itu, pengarang buku *Penerangan Ahmadiyah* menegaskan bahawa hadis yang menerangkan tentang Mahdi di akhir zaman berasal dari kalangan Ahlul-Bait, hanyalah bermaksud dia seorang yang sangat setia dan taat kepada Nabi.⁷⁰

⁷⁰ Muhammad Sadiq Barakatullah, *op.cit.*, hlm. 274.

Berdasarkan dari kenyataan-kenyataan di atas, dapatlah difahami bahawa menurut keyakinan aliran ini, Mirza adalah al-Mahdi yang dijanjikan nabi berdasarkan kepatuhan dan kesetiaannya kepada nabi sekalipun beliau bukan dari keturunan Nabi atau bukan dari bangsa Arab.

iii). Kewafatan Nabi Isa

Salah satu penekanan yang menjadi pegangan kukuh bagi pengikut Qadiani ialah tentang kewafatan Nabi Isa. Mereka meyakini bahawa Nabi Isa yang diutuskan oleh Allah untuk Bani Israel telah wafat dan tidak akan kembali lagi. Janji Allah di dalam al-Quran akan diutuskan Nabi Isa diakhir zaman merupakan individu yang berlainan dari Nabi Isa sebelumnya tetapi mempunyai kriteria seperti nabi tersebut.

1). Bukti-bukti Kewafatan Nabi Isa

Pada tahun 1890, Mirza Ghulam Ahmad telah mendakwa mendapat ilham dari Allah akan kewafatan Nabi Isa a.s.⁷¹ Keyakinan Mirza tentang kewafatan Nabi Isa turut diterapkan kepada pengikut-pengikut Qadiani dan seterusnya menjadi salah satu daripada asas penting dalam ajaran ini.

Keyakinan mereka turut bersandarkan kepada beberapa bukti yang didatangkan dari sumber-sumber tertentu. Antara bukti-bukti tersebut adalah seperti berikut:

⁷¹ Mukhlis Ilyas, "Siratul Mahdi", *Kertas Kerja, Naskah Pidato Pada Jalsah Salanah*, 26hb Jun 1993, Anj.; Jemaat Ahmadiyah Indonesia, hlm. 11.

1. Firman Allah dalam surah al-Imran, ayat 55;

إِذْ قَالَ اللَّهُ يَعِيسَى إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَى
وَمُطَهِّرُكَ مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَجَاعِلُ الَّذِينَ أَتَّبَعُوكَ
فَرُقَّ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya,

*"Ingatlah ketika Allah berfirman, "Hai Isa, sesungguhnya Aku akan mematikan engkau secara biasa dan akan meninggikan darjat engkau dari disisiKu serta membersihkan engkau dari tuduhan orang-orang yang ingkar dan akan menjadikan orang-orang yang mengikuti engkau di atas orang-orang yang ingkar hingga hari kiamat."*⁷²

Menurut ajaran Qadiani, ayat di atas memperjelaskan tentang empat perkara penting iaitu;⁷³

- i). Dengan perkataan (متوفيك), Allah akan mewafatkan Nabi Isa dan bukan di tangan orang Yahudi yang menentang beliau.
- ii). Dengan perkataan (ورافعك الي), Allah akan meninggikan dan memuliakan darjat Nabi Isa. Di sini tidak ada kata (إلى السما) di angkat ke langit, melainkan Allah berfirman *"Aku akan mengangkatmu kepadaKu"*.

⁷² Terjemahan berdasarkan Al-Quran terjemahan Jemaat Ahmadiyah. Sila rujuk Malik Ghulam Farid (ed.), *op.cit.*, hlm. 142.

⁷³ Mohamad Zain Hassan, *Ya Allah Tolonglah Kami*, 1995, t.c., Selangor; Pustaka Ansharullah, hlm. 5.

Maksudnya,

*"Dan Muhammad tidak lain kecuali seorang Rasul, sesungguhnya telah wafat atau berlalu rasul-rasul sebelumnya. Jadi jika ia mati atau terbunuh akan berpalinglah kamu di atas tumitmu."*⁷⁶

Ayat di atas difahami oleh Qadiani sebagai penjelasan bahawa rasul-rasul sebelum Nabi Muhammad termasuklah Nabi Isa telah wafat.⁷⁷

3. Firman Allah ⁷⁸

كَانَ يَأْكُلُانِ الظَّعَامُ^{۷۸}

Maksudnya,

*"Adalah keduanya dahulu memakan makanan."*⁷⁹

Menurut Qadiani, firman Allah tersebut menyatakan bahawa Nabi Isa dan ibunya Mariam tidak memakan makanan lagi yakni sudah mati. Jika sekiranya Nabi Isa masih hidup sampai sekarang tanpa memakan apa-apa, pastinya ada keterangan-keterangan di dalam al-Quran. Apa yang jelas, bukan sahaja tidak ada sebarang keterangan tentang perkara tersebut, bahkan kenyataan Nabi Isa hidup tanpa memakan apa-apa adalah bertentangan dengan firman Allah yang menyatakan bahawa badan nabi-nabi itu berkehendakkan kepada makanan dan minuman.

⁷⁶ Terjemahan berdasarkan Al-Quran terjemahan Jemaat Ahmadiyah. Sila rujuk Malik Ghulam Farid (ed.), *op.cit.*, hlm. 166.

⁷⁷ Mohamad Zain Hassan, Ya Allah Tolonglah Kami, *op.cit.*, hlm. 4.

⁷⁸ Al-Maidah : 75.

⁷⁹ Terjemahan dipetik dari Muhammad Sadiq Barakatullah, *op.cit.*, hlm. 51.

Firman Allah; ⁸⁰

وَمَا جَعَلْنَاهُمْ جَسَدًا لَّا يَأْكُلُونَ الْطَّعَامَ

Maksudnya,

"Kami (Allah) tidak menjadikan nabi-nabi itu menpunyai badan yang tidak memakan makanan."

4. Sabda Rasulullah s.a.w.

لو كان موسى و عيسى حيين لما و سعهما الا اتبعاعي⁸¹

Maksudnya,

"Sekiranya Musa dan Isa masih hidup nescaya mereka mengikutiku."

5. Jemaat Ahmadiyah meyakini bahawa nabi Isa sudah wafat 2000 tahun dahulu, tetapi mereka berpendapat bahawa baginda tidak mati di tiang salib bahkan dapat melepaskan diri. Baginda melarikan diri dari Palestin menuju ke timur iaitu tempat bermukim orang-orang Israel. Baginda sampai di sebuah perkampungan Israel di Kashmir, India dan menetap di sana hingga akhir hayat.⁸² Mirza

⁸⁰ An-Anbiya' : 8

⁸¹ Imam Abdul Wahad al-Syi'rani, *al-Yawaqitu wal Jawahir*.

Hujah ini penulis rujuk Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad, Da'watul Amir, *op.cit.*, hlm. 19.

⁸² Hamka Haq al-Badry, *op.cit.*, hlm. 67.

Hamka Haq al-Badry merupakan pengarang bukan Ahmadi. Penyataan tentang perkara tersebut diperakui oleh Abd. Satar bin Rauf, mubaligh Jemaat Ahmadiyah di Baitussalam.

sendiri pernah memberitahu kepada pengikut-pengikutnya bahawa beliau mendapat ilham menyatakan terdapat kubur Nabi Isa di Srinagar, Kashmir.⁸³

Berdasarkan bukti-bukti merujuk kepada al-Quran dan hadis juga saranan Mirza, Jemaat Ahmadiyah meyakini bahawa Nabi Isa yang diutuskan kepada Bani Israel sebelum ini telah wafat. Pengutusan semula Nabi Isa di akhir zaman adalah seorang yang berbeza tetapi mempunyai ciri-ciri seperti baginda.

2). Perbezaan Nabi Isa dan Imam Mahdi

Bagi pengikut Qadiani, tidak ada perbezaan di antara Nabi Isa dan Imam Mahdi walaupun di dalam hadis-hadis, nama kedua-dua tokoh tadi disebut secara berasingan.⁸⁴ Nabi Isa dan Imam Mahdi adalah orang yang sama merujuk kepada tanda-tanda kedatangan serta sifat-sifatnya.

Pendapat ini jelas dapat dilihat berdasarkan hadis-hadis berikut yang menjadi hujah mereka.

كَيْفَ اتَّمَ إِذَا نَزَلَ أَبْنَى مُرْيَمَ فِيْكُمْ إِمَامَكُمْ مُنْكَمْ⁸⁵

⁸³ Mukhlis Ilyas, *op.cit.*, hlm. 11.

⁸⁴ Saleh A.Nahdi, *op.cit.*, hlm. 108.

⁸⁵ Bukhari, *Sahih Bukhari*, Jil. 2, Bab Nuzul Isa bin Maryam.

Hujah ini bersumberkan Mohammad Zain Hassan, Ya Allah Tolonglah Kami, *op.cit.*, hlm. 7.

Maksudnya,

"Bagaimana keadaan kamu apabila turun Ibnu Maryam di antara kamu, dia Imam kamu daripada kalangan kamu sendiri."

Hadis ini difahami oleh Jemaat Ahmadiyah sebagai menunjukkan bahawa Nabi Isa yang dijanjikan bukan dari Bani Israel tetapi dari umat Islam sendiri. Ciri-ciri ini turut menetapi ciri-ciri kedatangan Imam Mahdi di akhir zaman.

Sabda Nabi lagi,

يُوشك من عاش منكم تلقى عيسى ابن مريم إماماً مهدياً ⁸⁶

Maksudnya,

"Sudah hampir ketikanya, bahawa orang hidup di antara kamu akan bertemu dengan Isa Ibnu Maryam, yang menjadi Imam Mahdi."

لَا مَهْدِيَ إِلَّا عِيسَى ⁸⁷

Maksudnya,

"Tidak ada Mahdi kecuali Isa."

⁸⁶ Ahmad bin Hambal, *Musnad Ahmad bin Hambal*, Jil. 2, hlm. 156.
Hujah ini bersumberkan Mohammad Zain Hassan, Ya Allah Tolonglah Kami,
op.cit., hlm. 7.

⁸⁷ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah, Kitab al-Fitan*, hlm. 1341.
Hujah ini bersumberkan Mohammad Zain Hassan, Ya Allah Tolonglah Kami,
op.cit., hlm. 7.

Berdasarkan dua hadis di atas, mereka meyakini bahawa Nabi Isa dan Imam Mahdi merupakan satu wujud yang sama bukannya dua orang yang berasingan akan tetapi seorang dengan dua nama.

Kenyataan bahawa Imam Mahdi dan Nabi Isa adalah orang yang sama dibenarkan oleh Mirza dalam dakwaannya. Mirza telah mendakwa mendapat ilham perlantikan dirinya sebagai Imam Mahdi serta Nabi Isa untuk umat akhir zaman. Pengakuan Mirza ini telah diterima dengan penuh keyakinan oleh pengikut-pengikut Qadiani. Antara dakwaan-dakwaan Mirza ialah;

*"Di waktu malam hitam dan badai gelap ini, rahmat Allah telah menetapkan akan mengirimkan cahaya samawi. Dengan itu ketahuilah wahai manusia bahawa akulah cahaya itu, pembaharu yang diutus dan khadam yang dibantu Allah. Aku adalah Mahdi yang ditunggu dan al-Masih yang dijanjikan. Tuhan telah mengurniakan dengan suatu pangkat yang tidak diketahui oleh orang lain"*⁸⁸

*"Dan saya bersumpah demi Allah, bahawa saya adalah Masih Mau'ud!. Dan sayalah orang yang dijanjikan oleh para nabi. Mengenai zaman saya, terdapat beritanya di dalam Taurat, Injil dan Quran Syarif, bahawa pada saat itu di langit akan terjadi gerhana bulan dan matahari, serta di bumi akan merebak wabak penyakit yang dahsyat"*⁸⁹

Kesimpulan yang dapat dibuat tentang pegangan Qadiani mengenai Nabi Isa ialah mereka meyakini bahawa Nabi Isa yang dijanjikan Allah

⁸⁸ Tanpa Pengarang, Surviner Peringatan Seabad Gerhana Bulan Dan Gerhana Matahari, *op.cit.*, hlm. 1.

⁸⁹ *Ibid*, hlm. 41.

"Adapun wahyu asalnya 'kecepatan' kerana nabi menerima apa yang datang kepadanya dari tuhannya dengan cepat maka dinamakan wahyu. Turut dinamakan wahyu ialah ilham yang berbagai kerana meyerupai wahyu kepada nabi. Tulisan juga dinamakan wahyu kerana kecepatan gerak tangan orang yang menulisnya. Dikatakan pula oleh sesetengah orang, asal wahyu ialah 'tersembunyi' 'dan disembunyikan'. Itu sebabnya ilham turut dinamakan wahyu."

2. Imam Raghib al-Ashfahani menulis,⁹¹

"Kalimah-kalimah Allah yang diturunkan kepada nabi-nabi dan wali-wali dinamakan wahyu."

"Wahyu ialah isyarat-isyarat yang cepat"

Berdasarkan definisi-definasi tersebut, Qadiani menyimpulkan bahawa erti wahyu ialah apa-apa yang didatangkan dari tuhan kepada nabi secara cepat dan tersembunyi. Turut disamaartikan dengan wahyu ialah ilham kerana cara datangnya adalah sama seperti wahyu.

ii). Wahyu diturunkan hingga hari kiamat

Menurut kepercayaan Qadiani, wahyu Allah masih diturunkan kepada hamba-hambaNya yang terpilih hingga hari kiamat. Wahyu Allah tidak terhenti dengan kewafatan Nabi Muhammad s.a.w bahkan akan terus berkesinambungan kepada hamba-hambaNya yang lain.

⁹¹ *Ibid.*

Dalam konteks ini, Qadiani telah mendatangkan beberapa ayat al-Quran bagi membenarkan kenyataan bahawa wahyu masih diturunkan oleh Allah. Antaranya ialah;⁹²

1.

وَمَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُكَلِّمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ
وَرَآءِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذْنِهِ
مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حِكْمَةٍ ”⁹³

Maksudnya:

“Dan tidak ada bagi seorang manusia pun bahawa Allah berkata-kata kepadanya kecuali dengan perantaraan wahyu atau di belakang tabir atau dengan mengutuskan utusan (malaikat) lalu diwahyukan kepadanya dengan izinNya apa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Dia Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana.”

2.

رَفِيعُ الْدَرَجَاتِ ذُو الْعَرْشِ يُلْقِي الرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِ
عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ لِيُنذِرَ يَوْمَ الْتَّلَاقِ⁹⁴

Maksudnya:

“(Dialah) yang Maha Tinggi darjatnya, yang mempunyai Arasy, yang mengutuskan Jibril dengan membawa perintahNya kepada sesiapa yang dikehendaki di antara hamba-hambaNya, supaya dia

⁹² H.Mahmud Ahmad Cheema H.A., *Masalah Wahyu*, 1986, t.c., Indonesia; Jemaat Ahmadiyah, hlm. 8.

⁹³ Al-Syura : 51.

⁹⁴ Al-Mukmin : 15.

memperingatkan (manusia) tentang hari pertemuan (qiamat)."

3.

يُنَزِّلُ الْمَلَائِكَةَ بِالرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِ
عَلَىٰ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَن آتِيُّوهُ
أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونِ⁹⁵

Maksudnya:

"Dia menurunkan para malaikat dengan (membawa) wahyu dengan perintahNya kepada siapa yang Dia kehendaki di antara hamba-hambaNya, Ingatlah olehmu sekalian bahwasanya tidak ada Tuhan (yang hak) melainkan Aku, maka hendaklah kamu bertakwa kepadaKu."

Dalam ketiga-tiga ayat tersebut mengandungi kalimah-kalimah seperti يُنَزِّلُ Yukallimu, نَسِيْحٍ Yuhi, يُنْفِي Yulqi, يُنَزِّلُ Yunazzilu. Perkataan-perkataan tersebut merupakan fa'l al-muđari' yang menunjukkan untuk zaman sekarang (sedang) dan akan datang. Dengan demikian bererti bahawa Allah s.w.t akan terus menurunkan wahyu-wahyuNya sampai hari kiamat.

Berpandukan dalil-dalil tersebut, pengikut Qadiani meyakini bahawa wahyu bukan hanya diterima oleh para nabi dan rasul sahaja, bahkan para wali dan mujahid serta orang awam dapat menerima wahyu.

⁹⁵ Al-Nahl : 2.

Ini adalah kerana wahyu merupakan manifestasi sifat Rahman dan Rahim Allah.

Berdasarkan konsep wahyu yang diyakini oleh pengikut-pengikut Qadiani, sekaligus membenarkan dakwaan Mirza sebagai seorang yang menerima wahyu. Wahyu akan terus diturunkan Allah kepada hamba-hambanya yang terpilih tanpa mengira samada seseorang itu nabi, wali ataupun orang awam.

B. KONSEP JIHAD DALAM AJARAN QADIANI

Salah satu perkara yang begitu dititik beratkan oleh Mirza di dalam seruananya selama ini ialah tentang konsep jihad. Ini merujuk kepada situasi negara asal beliau pada masa itu melalui zaman-zaman penindasan golongan sikh juga selepas itu penjajahan oleh pihak Inggeris. Namun Mirza mempunyai pandangan-pandangan yang tersendiri dalam menangani usaha jihad pada masa itu dan pandangan-pandangan ini turut diterapkan dalam pemahaman pengikut-pengikut Qadiani. Sebagaimana diketahui umum, jihad dalam Islam yang dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabat adalah berperang di jalan Allah bagi menegakkan agama Islam serta menghadapi ancaman musuh-musuh Islam, juga sebagai satu alternatif untuk mempertahankan diri.

1). Pengertian Jihad

Menurut Qadiani, jihad terbahagi kepada tiga bahagian iaitu;⁹⁶

- 1) Jihad terhadap nafsu yang merupakan jihad terbesar (Jihad al-Akbar).
- 2) Jihad dengan al-Quran untuk menghapuskan kejahanan (Jihad al-Kabir).
- 3) Jihad dengan pedang dan ini merupakan jihad yang kecil (Jihad al-Asghar).

Bagi pendiri aliran ini, jihad yang pertama dan kedua akan terus berlaku kerana cara-cara ini lebih sesuai bagi tujuan menghidupkan ajaran Islam dan mengembangkannya. Pengikut-pengikut Qadiani percaya, cara-cara seperti ini mencontohi cara Nabi Isa.⁹⁷ Manakala jihad yang ketiga sudah tidak sesuai lagi untuk zaman sekarang atas alasan cara tersebut hanya jihad kecil sahaja, sedangkan jihad yang lebih besar dan yang paling besar mula dilupakan. Jihad yang ketiga hanya akan berlaku apabila sesuatu kaum memulakan perperangan terhadap umat Islam kerana hendak menghapuskan Islam.

Oleh kerana pada zaman Mirza dan selepasnya Inggeris (selaku penjajah) tidak menghalang urusan agama, maka mereka berpegang

⁹⁶ Muhammad Sadiq Barakatullah, *op.cit.*, him. 330.

⁹⁷ Muslin Fathoni, *Faham Mahdi Syiah Dan Ahmadiyah Dalam Perspektif*, 1994, cet. 1, Jakarta; PT Raja Grafindo Persada, him. 80.

bahawa sekarang bukanlah masa untuk berjihad disebabkan syarat berjihad belum cukup. Syarat yang dimaksudkan ialah orang kafir mula berperang dahulu atas nama agama.

Mirza berkata,

لاشك أن وجود الجهاد معروفة في هذا الزمان وهذا البلاد
 ٩٨ (صيغه تحفه كولروية : ٢.)

Maksudnya,

"Tidak syak lagi bahawa jalan atau sebab bagi jihad dengan berperang sudah tidak ada lagi masa kini dan di negeri ini."

أمرنا أن نعد للكفرين كما يعدون لنا
 ولأنرفع الحسام قبل أن نقتل بالحسام
 (حقيقة المهدى: ١٩) ٩٩

Maksudnya:

"Kita disuruh supaya memperlakukan orang-orang kafir sebagaimana perlakuan mereka kepada kita dengan menggunakan pedang sebelum kita dipotong dengan pedang juga."

"Jihad zaman sekarang ialah menjawab tuduhan musuh-musuh Islam dan meninggikan Islam dengan mengemukakan kelebihan-kelebihan dan menyatakan kebenaran Nabi Muhammad secara terang dan jelas. (Kitab as-Salawat : 22).¹⁰⁰

⁹⁸ Muhammad Sadiq Barakatullah, *op.cit.*, hlm. 330.

⁹⁹ *Ibid*, hlm. 331.

¹⁰⁰ *Ibid*.

Menurut salah seorang dari mubaligh Jemaat Ahmadiyah di Baitussalam, tindakan Mirza pada zamannya dahulu tidak menentang Inggeris adalah kerana Inggeris telah memberi kebebasan kepada orang-orang Islam untuk mengamalkan Islam. Inggeris juga didakwa telah membebaskan umat Islam di India dari cengkaman Sikh yang begitu kejam menghapuskan Islam. Atas dasar kebebasan yang diberi oleh Inggeris, mereka tidak seharusnya diperangi. Namun begitu, akidah orang-orang Inggeris yang bertentangan dengan Islam tetap diperangi.¹⁰¹

Sebagai kesimpulannya, di dalam ajaran Qadiani, jihad yang paling penting dan mesti diteruskan ialah jihad menentang hawa nafsu serta memperjuangkan al-Quran. Manakala jihad dengan senjata hanya diperlukan bila kekerasan mula digunakan ke atas umat Islam. Selagi orang-orang kafir tidak menghalang umat Islam untuk beramal dengan suruhan agama, selagi itu jihad menggunakan senjata tidak dituntut.

Kesimpulan

Ajaran Qadiani yang diperkenalkan oleh Mirza amat menitikberatkan persoalan akidah terutama perkara-perkara yang berhubungkait dengan masalah kenabian. Ini bertujuan menyelaraskan pegangan pengikut-pengikut Qadiani dengan dakwaan-dakwaan yang telah dibuat oleh Mirza sebagai Imam Mahdi, Nabi Isa dan nabi yang

¹⁰¹ Wawancara dengan Abd. Basit Abd. Wahid, Mubaligh Jemaat Ahmadiyah, pada 7^{hb} April 1997.

menerima wahyu dari Allah. Justeru, pegangan-pegangan tersebut diperkuuhkan dengan hujah-hujah dari al-Quran, hadis serta pendapat-pendapat ulama menurut huraian dan tafsiran mereka tersendiri.

Setiap pengikut Qadiani dipastikan memahami akan konsep-konsep yang diperkenalkan oleh pengasas jemaat tersebut. Dan bagi pengikut Qadiani, apa jua yang diperkenalkan oleh Mirza sekalipun ajaran tersebut merangkumi konsep-konsep yang lebih mirip kepada ajaran selain Islam akan tetap diterima dengan penuh keyakinan memandangkan ketaatan kepada arahan merupakan ikrar pertama mereka sebelum menyertai jemaat tersebut.

Sebagai satu kesimpulan awal, terdapat perbezaan yang amat ketara antara ajaran Qadiani dan ajaran Islam yang sebenar. Walaupun pegangan pengikut-pengikut Qadiani diperkuuhkan dengan hujah-hujah dari al-Quran dan hadis, penafsiran yang dibuat berbeza dengan tafsiran ahli-ahli mufassirin dan para muhaddithin yang muktabar. Justeru bagi memastikan kesahihan ajaran Qadiani penulis akan membuat analisis berdasarkan perspektif Islam di dalam bab yang seterusnya iaitu bab keempat.